



## KENYATAAN TAWARAN

Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor/pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan Majlis Perbandaran Kuantan bawah kod bidang dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja-kerja yang berikut:-

BIL	TAJUK KERJA	NOMBOR SEBUTHARGA	KOD BIDANG	HARGA NASKAH
1.	PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN DI PUSAT TRANSFORMASI BANDAR (UTC) PAHANG	MPK/W/SH:97/2017	220801	RM53.00 (Termasuk GST 6%)

Dokumen Tawaran boleh diperolehi di waktu pejabat sahaja mulai **2 November 2017 (Khamis)** di Kaunter Berpusat, Ibu Pejabat Majlis Perbandaran Kuantan, Jalan Tanah Putih, 25100 Kuantan, Pahang Darul Makmur.

Kontraktor/pembekal yang berminat hendaklah mendapat dokumen tawaran dengan hadir sendiri serta membawa **sijil-sijil asal yang berkaitan** dengan satu salinan sijil-sijil tersebut serta Wang Tunai.

Dokumen tawaran yang telah siap dipenuhi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bertulis di sudut kiri atas, No. Sebutharga seperti di atas dan dikembalikan kepada **Yang Dipertua MPK, Bahagian Belanjawan dan Perolehan, Jabatan Perbendaharaan, Jalan Tanah Putih, 25100 Kuantan, Pahang Darul Makmur** sebelum tarikh tutup tawaran iaitu tepat jam 12.00 tengah hari pada atau sebelum **13 November 2017 (Isnin)**.

Pihak MPK tidak terikat menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran serta tidak bertanggungjawab di atas apa jua perbelanjaan yang terlibat oleh kontraktor/pembekal untuk mengemukakan tawaran ini.

Sekiranya ada sebarang pertanyaan sila hubungi Pejabat Pengurusan Pusat Transformasi Bandar (UTC) Pahang, Jalan Stadium, 25200 Kuantan, Pahang Darul Makmur. **No. Telefon 09-5124999 / 09-5124053.**